

11 MAR 2000

Umno-calon (Jeli)

UMNO JELI CALON DR MAHATHIR DAN ABDULLAH

JELI, 11 Mac (Bernama) -- Umno Bahagian Jeli hari ini mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden pada pemilihan parti itu Mei ini.

Bahagian itu turut mencalonkan Tengku Razaleigh Hamzah, Datuk Seri Mohd Najib Tun Razak dan Datuk Abdul Ghani Othman sebagai Naib Presiden.

Nama-nama calon berkenaan dicalonkan oleh ketua bahagian itu Datuk Mustapa Mohamed, yang mendapat tepukan gemuruh daripada 317 perwakilan yang hadir pada mesyuarat yang diadakan di Kompleks Umno Bukit Nangka, di sini.

Cadangan Mustapa itu disokong oleh Timbalan Ketua Bahagian Zahari Kechik serta mendapat sokongan sebulat suara daripada perwakilan.

Mesyuarat bahagian yang dipengerusikan oleh Pengerusi Tetapnya Abdul Rahman Abdullah, mencalonkan Tan Sri Sulaiman Ninam Shah sebagai Pengerusi Tetap Umno dan Datuk Mohamad Abdul Aziz sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Bagi jawatan Majlis Tertinggi (MT), bahagian itu mencalonkan Datuk Mustapa Mohamed, Datuk Annuar Musa, Datuk Zainal Abidin Abdul Kadir, Datuk Paduka Ibrahim Ali, Datuk Dr Yusof Noor, Datuk Tengku Mahmood Mansor, Datuk Seri Adnan Yaakob, Datuk Adam Abdul Hamid, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, Datuk Mohd Khalid Yunus, Datuk Sulaiman Mahmud.

Turut dicalonkan bagi jawatan yang sama ialah Datuk Dr Shafie Mohamed Salleh, Datuk Sharif Omar, Datuk Ibrahim Saad, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Kadir Sheikh Fadzir, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali, Datuk Mohd Nazri Tan Sri Aziz, Datuk Seri Shahidan Kassim, Datuk Azmi Khalid, Datuk Seri Osu Sukam, Datuk Shafie Apdal, Tan Sri Kasitah Gaddam, Datuk Lajim Ukin dan Datuk Seri Abu Hassan Omar.

Mustapa ketika merasmikan mesyuarat berkenaan berkata unsur-unsur perpecahan dalam parti perlu dielakkan kerana parti pembangkang sentiasa menunggu peluang untuk melemahkan Umno apabila berlaku perpecahan.

"PAS sebenarnya tidak kuat, mereka jadi kuat kerana Umno berpecah," katanya sambil mengingatkan anggota Umno bahawa matlamat utama sebagai anggota Umno ialah memenangi pilihan raya bagi membolehkan mendapat kuasa untuk membela agama, bangsa dan negara.

Mustapa juga berkata Umno Jeli kini memberi tumpuan sepenuhnya untuk melahirkan lebih ramai ulama melalui pelbagai aktiviti keagamaan termasuk melantik empat orang pegawai penerangan agama.

--BERNAMA

BD RI